

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL MAHIR PK DALAM PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(Validity and Reliability of Mahir PK Module in the Preparation of Financial Statements)

*Kalaivaanan A/L Kandasamy¹, Hartini Jaafar¹

Submitted: 05-Mar-2023
Accepted: 16-Mar-2023
Revised: 17-Apr-2023
Published: 23-Jun-2023

¹Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email: hartini@fpe.upsi.edu.my

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kesahan kandungan dan kebolehppercayaan Modul Mahir PK yang akan digunakan dalam menentukan keberkesanannya terhadap penguasaan konsep asas perakaunan bagi item pelarasan dalam penyediaan Penyata Kewangan. Berdasarkan kepada keperluan tersebut, Modul Mahir PK telah disahkan oleh empat pakar dalam bidang Prinsip Perakaunan menggunakan Instrumen Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran dengan indeks kesahan 0.951. Ujian kebolehppercayaan pula telah dilaksanakan ke atas sejumlah 15 orang pelajar daripada kumpulan eksperimen dalam kajian rintis dan nilai pekali kesahan Alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.864. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa Modul Mahir PK telah dibangunkan dengan baik mengikut prosedur pembangunan modul yang lengkap dan sesuai digunakan dalam kajian yang akan dilaksanakan.

Kata kunci: Prinsip Perakaunan, Modul, Penyata Kewangan, Kesahan dan Kebolehppercayaan

Abstract

The purpose of this study is to evaluate the validity and reliability of Mahir PK Module that will be used in determining its effectiveness on the mastery of fundamental accounting concepts for adjustment items in the preparation of Financial Statements. Based on the needs of the study, Mahir PK Module was validated by a group of four experts in the field of Principles of Accounting based on Quality Evaluation for Teaching Module Instrument with a validity index of 0.951. Reliability test was also conducted on 15 pupils from the experiment group in a pilot study with a reliability coefficient of Cronbach Alpha 0.864. The results indicate that Mahir PK Module has been appropriately developed based on a complete module development procedure, hence is suitable to be employed in the intended study.

Keywords: Principles of Accounting, Module, Financial Statements, Validity and Reliability

1.0 PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mengkategorikan matapelajaran Prinsip Perakaunan sebagai Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) iaitu mata pelajaran elektif dalam kelompok Ikhtisas Kemanusiaan yang digubal bagi murid Tingkatan Empat dan Lima. MPEI menekankan keperluan perubahan kurikulum dan pentaksiran berasaskan kompetensi yang merujuk piawaian industri, badan profesional dan pensijilan peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Berdasarkan keperluan tersebut, pembangunan kurikulum Prinsip Perakaunan dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam usaha memastikan kemenjadian modal insan yang menyeluruh,

seimbang, berakhlak mulia dan berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kepentingan mewujudkan modal insan yang mengamalkan budaya profesional adalah sangat penting dalam konteks menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan perkembangan teknologi dalam industri ke arah mencapai matlamat negara maju (KPM, 2016).

Dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan, murid didedahkan kepada konsep dan prinsip asas perakaunan, penyediaan penyata kewangan, perancangan kewangan dan pengekosan. Topik Penyata Kewangan yang merangkumi rekod formal urusanniaga kewangan sesebuah perniagaan, orang perseorangan, atau entiti-entiti lain, menjadi fokus utama dalam mata pelajaran ini. Penyediaan penyata kewangan secara ringkasnya memberikan gambaran menyeluruh keadaan kewangan jangka pendek serta jangka panjang bagi sesuatu perniagaan atau orang perseorangan. Namun, penyediaan Penyata Kewangan menjadi topik dalam mata pelajaran ini yang paling mencabar bagi kebanyakan pelajar dan guru kerana ia merangkumi semua elemen dalam kitaran perakaunan yang dipelajari dari bab satu hingga tujuh semasa di Tingkatan Empat. Pelajar perlu menguasai konsep asas perakaunan serta kesemua elemen dalam kitaran perakaunan terutama bahagian pelarasan bagi menyediakan Penyata Kewangan. Menurut, Moriza et al. (2017), Penyata Kewangan yang melibatkan pelarasan merupakan satu topik yang sukar diikuti oleh pelajar dan menyumbang secara signifikan kepada kemerosotan pencapaian keseluruhan mereka. Ini kerana kegagalan menguasai topik ini akan menyebabkan pelajar hilang minat kepada topik-topik berikutnya dan sekaligus terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan secara umum. Selain itu, ketidakmahiran pelajar dalam mengenalpasti dan merekod jenis pelarasan berdasarkan konsep pepadanan dalam perakaunan menyebabkan segelintir mereka menghadapi masalah dalam menyediakan maklumat Penyata Kewangan dengan tepat (Mohd Kamal, 2005).

Dalam menguasai topik penyata kewangan, satu kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan dengan menggunakan bahan pengajaran yang berkesan amat diperlukan untuk memahami konsep asas perakaunan dalam menyelesaikan pelarasan dengan baik. Menurut Noor Lela dan Nur Afrina Haziqah (2020), penguasaan prinsip dan konsep asas perakaunan amat penting dan jika penguasaan asas perakaunan tidak kukuh, ini akan memberikan masalah kepada proses pembelajaran akan datang. Selain itu, Fitriani Saragih dan Elizar Sinambela (2017) turut menyatakan bagi memastikan pengajaran matapelajaran ini berjalan dengan efektif, ia memerlukan kaedah pembelajaran yang menarik supaya pelajar bersemangat dan berminat untuk belajar dan memahami kursus secara keseluruhan.

Bagi menguasai konsep yang dipelajari dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan, bahan bantu mengajar seperti modul pembelajaran memainkan peranan yang penting. Salah satu cara guru dapat mewujudkan pembelajaran secara akses sendiri adalah dengan menggunakan pengajaran terancang seperti pengajaran berbantuan modul pembelajaran. Pengajaran secara terancang merupakan salah teknik pengajaran berprogram melalui penggunaan panduan bercetak yang menekankan pembelajaran secara individu berdasarkan kepada kebolehan pelajar (Mok, 2010). Penggunaan modul sebagai intervensi dalam pembelajaran telah menunjukkan bukti berlakunya peningkatan dalam penguasaan konsep (Laila Puspita, 2019). Hal ini adalah kerana dalam pembelajaran sesuatu konsep, terdapat pelajar yang cepat untuk memahami sesuatu konsep dan terdapat pelajar yang lambat untuk menguasai konsep baharu yang dipelajari. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Reza Taufiq Digara dan Yunastiti Purwaningsih (2021) yang memfokus kepada keberkesanan modul pembelajaran berasaskan masalah dalam subjek perakaunan, menunjukkan peningkatan prestasi dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati di Malaysia tidak banyak kajian yang

dilakukan mengenai penggunaan modul berbanding kaedah pengajaran dan pemudahcaraan lain terutama dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.


Menyedari permasalahan yang wujud dalam pembelajaran dan pengajaran terutama berkaitan topik yang melibatkan konsep asas perakaunan dalam penyelesaian item pelarasan, satu kajian keperluan telah dilaksanakan. Kajian keperluan ini yang melibatkan 20 orang pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah di negeri Sabah bertujuan mengenal pasti pencapaian mereka dalam topik tersebut. Satu set kertas soalan terdiri daripada 20 soalan objektif yang diadaptasi daripada soalan sebenar SPM dari tahun 2016 hingga 2019 telah diberikan kepada para pelajar. Analisis ke atas jawapan pelajar dalam ujian tersebut menunjukkan hampir kesemua pelajar masih belum dapat menguasai konsep asas perakaunan dalam penyelesaian item pelarasan. Analisis juga mendapati bahawa min skor adalah rendah iaitu hanya 7.5 daripada skor penuh 20. Selain itu, analisis soal selidik yang diedarkan kepada 10 orang guru Prinsip Perakaunan di daerah Kota Kinabalu menunjukkan bahawa mereka berpandangan item pelarasan seperti hutang ragu, akaun nominal, susut nilai dan urusniaga kredit menjadi salah satu topik yang sukar dikuasai oleh pelajar. Guru-guru turut menyarankan keperluan membangunkan suatu modul yang dapat diguna pakai oleh pelajar mereka bagi memudahkan penguasaan topik serta membuat ulangkaji.

Justeru, berdasarkan kepada isu dan kelemahan pelajar memahami dan menyelesaikan item pelarasan, seterusnya menyediakan penyata kewangan, Modul Mahir PK dibangunkan. Kajian ini dilihat sebagai salah satu usaha yang dilakukan bagi meningkatkan pemahaman konsep asas perakaunan dalam menyelesaikan pelarasan dan menyediakan penyata kewangan melalui pembangunan sebuah modul pengajaran. Intervensi ini akan dapat membantu pelajar untuk menguasai konsep berkaitan pelarasan seperti sistem catatan beregu dan seterusnya berupaya menyediakan penyata kewangan melalui penggunaan modul pembelajaran dan juga pembelajaran koperatif. Modul Mahir PK ini diharap dapat memudahkan para guru membimbing para pelajar untuk melontarkan idea mereka semasa sesi pembelajaran berlangsung. Hal ini sekaligus dapat melahirkan pelajar yang mampu berkomunikasi secara berkesan bersama dengan rakan-rakan mereka, selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

Dalam pembinaan sebuah modul, aspek penilaian kesahan dan kebolehpercayaan adalah sangat penting. Penilaian kesahan sesuatu modul dapat menunjukkan sejauh mana modul menghasilkan apa yang sepatutnya modul tersebut hasilkan (Sidek dan Jamaludin, 2005). Berdasarkan kepada keperluan tersebut, objektif kajian ini adalah untuk menilai kesahan kandungan keseluruhan modul oleh pakar dan menentukan nilai kebolehpercayaan modul secara keseluruhan.

2.0 MODEL PEMBINAAN MODUL MAHIR PK

Dalam pembinaan modul dalam kajian ini, prosedur dan proses yang digunakan adalah berdasarkan kepada model pembinaan modul yang diperkenalkan oleh Sidek dan Jamaludin (2005). Model Pembinaan Modul Sidek ini bersifat lebih komprehensif dan mempunyai dua peringkat berbeza dalam pembinaan suatu modul. Terdapat sembilan langkah utama dalam dalam peringkat penyediaan draf bermula daripada pembinaan sehingga penyatuan draf modul. Manakala peringkat kedua iaitu mencuba dan menilai pula mengandungi tiga langkah utama. Langkah-langkah pembinaan modul ini adalah seperti yang diperincikan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Pembinaan Modul Sidek

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang dilakukan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan draf modul yang telah dibina. Tujuan utamanya adalah untuk memperoleh (1) nilai kesahan melalui penilaian sekumpulan pakar menggunakan Borang Kesahan Kandungan: Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran Modul Mahir PK serta (2) nilai kebolehpercayaan melalui borang soal selidik yang dijawab oleh sekumpulan pelajar dalam kajian rintis.

3.2 Kesahan Modul

Penilaian kesahan sesuatu modul dapat menunjukkan sejauh mana modul tersebut berupaya menghasilkan apa yang sepatutnya dihasilkan (Sidek dan Jamaludin, 2005). Sesebuah modul disifatkan baik apabila mencapai objektif pembinaan modul yang spesifik. Ini bermakna sesebuah modul yang dapat mengukur semua isi kandungannya dengan berkesan, maka kesahan kandungan modul tersebut dianggap baik. Dalam memperoleh nilai kesahan kandungan modul, kaedah yang boleh digunakan ialah dengan meminta maklum balas dan pandangan pakar

(Mohd Majid, 2005). Penilaian item-item modul berdasarkan kepada penyemakan spesifikasi oleh panel pakar rujuk dapat meningkatkan kesahan kandungan modul. Peranan panel pakar rujuk adalah untuk menyemak item dan memberi komen sama ada item-item yang dikemukakan dalam suatu modul tersebut meliputi semua kandungan yang ingin diuji. Jika kesemua sasaran kandungan modul diliputi secara sama rata, maka kesahan kandungan dikatakan adalah tinggi.

Setelah mengambil kira kesemua maklum balas daripada pakar, analisis dilakukan untuk menentukan kesahan kandungan modul dengan menggunakan formula yang dibina oleh Sidek dan Jamaludin (2005) seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah skor pakar}}{\text{Skor maksimum}} \times 100\% = \text{Pencapaian kesahan kandungan}$$

Berdasarkan formula tersebut, jumlah skor yang diberikan oleh pakar melalui skala Likert akan dijumlahkan dan skor tersebut dibahagikan dengan skor maksimum skala Likert, dan kemudiannya didarabkan dengan 100%. Sidek dan Jamaludin (2005) mensarankan bahawa modul mempunyai kesahan kandungan yang baik jika peratusan yang diperolehi adalah melebihi 70%. Sebaliknya, jika peratusan kesahan kandungan adalah kurang daripada 70%, maka modul dikatakan tidak mempunyai kesahan kandungan yang baik.

Borang Kesahan Kandungan: Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran Modul Mahir PK (PKMP) telah digunakan bagi tujuan ini yang mana ianya diambil dan diadaptasi daripada Instrumen Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran (Ang dan Lee, 2016). Dalam borang ini terdapat 42 item dan setiap item menggunakan skala Likert 1 hingga 5 bagi mendapatkan penilaian pakar panel terhadap kualiti modul yang dibangunkan. Secara umumnya, item-item dalam borang kesahan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Kualiti Modul, Bahagian Potensi Keberkesanan dan Bahagian Kepuasan Keseluruhan. Dalam bahagian Kualiti Kandungan, pakar panel menilai aspek objektif pengajaran (tiga item) dan aspek isi kandungan modul (empat item). Manakala dalam bahagian Potensi Keberkesanan, pakar panel menilai empat aspek iaitu aspek kebergunaan (lima item), aspek fleksibiliti (tiga item), aspek persembahan (enam item) dan aspek penilaian (empat item). Akhir sekali bagi bahagian Kepuasan Keseluruhan, terdapat 17 item merangkumi beberapa aspek untuk dinilai oleh pakar panel. Antaranya adalah aspek kepuasan terhadap matlamat modul, isi kandungan dan potensi modul.

Jadual 1: Maklumat pakar menilai kesahan kandungan modul

Pakar	Kepakaran	Pengalaman Mengajar
Pakar 1	Guru Cemerlang, Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	23 tahun
Pakar 2	Guru Cemerlang, Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	19 tahun
Pakar 3	Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	18 tahun
Pakar 4	Penggubal Soalan, Penceramah, Pemeriksa Kertas	23 tahun

Bagi menilai kesahan kandungan modul, seramai empat orang pakar tentang silibus Prinsip Perakaunan di peringkat SPM bersetuju untuk menjadi penilai. Melalui kenyataan Bailey (2004), proses pengesahan kandungan sesuatu modul memerlukan sekurang-kurangnya tiga orang guru pakar dalam bidang pengajaran yang berkaitan. Mereka terdiri daripada guru cemerlang Prinsip Perakaunan, guru Prinsip Perakaunan yang berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun, serta pemeriksa kertas peperiksaan Prinsip Perakaunan peringkat SPM. Panel ini juga dipilih berdasarkan kepakaran mereka dalam dalam teknik penskoran SPM, penceramah

teknik menjawab soalan SPM serta menggubal soalan ujian Prinsip Perakaunan peringkat daerah. Jadual 1 menunjukkan maklumat ringkas mengenai pakar yang terlibat dalam kesahan kandungan modul:

3.3 Kebolehpercayaan Modul

Berdasarkan kepada Sidek (2002), sebuah ujian atau instrumen mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh daripada individu yang sama pada masa yang berbeza. Mohammad Aziz Shah et al. (2010) pula mendefinisikan kebolehpercayaan modul sebagai ketekalan dan kestabilan sesuatu modul di dalam mencapai apa yang sepatutnya dicapai di dalam objektif sesuatu modul. Bagi Rusell (1974), kebolehpercayaan modul diuji berdasarkan sejauh mana pelajar dapat mengikuti langkah-langkah aktiviti dalam modul dengan jayanya. Nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu modul boleh diuji dengan kaedah mencipta soal-selidik atau item-item soalan berdasarkan kepada langkah-langkah aktiviti modul, ataupun melalui kaedah mencipta soal-selidik berdasarkan kepada objektif-objektif modul (Jamaludin dan Sidek, 2005). Sehubungan itu, dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk mencipta soal-selidik berdasarkan kepada objektif-objektif modul. Dalam Modul Mahir PK, terdapat 30 objektif pembelajaran yang perlu dicapai oleh pelajar. Borang soal selidik yang bertajuk Kebolehpercayaan Modul Mahir PK dibina dan diberikan kepada kumpulan pelajar Tingkatan Empat (kumpulan eksperimen) dalam kajian rintis yang telah dijalankan. Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan, soal selidik tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah pekali Alpha Cronbach. Mohd Majid (2005) menyatakan jika nilai kebolehpercayaan yang diperoleh lebih tinggi dari 0.60, maka instrumen tersebut mempunyai tahap konsistensi yang baik.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan yang diperoleh berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan.

4.1 Kesahan Kandungan Modul

Jadual 2 memperincikan skor pencapaian kesahan kandungan yang diberikan oleh keempat-empat pakar terhadap Modul Mahir PK. Berdasarkan kepada Instrumen Penilaian Kualiti Untuk Modul Pengajaran Ang dan Lee (2016) serta kaedah pengiraan kesahan Sidek dan Jamaludin (2005), peratus kesahan yang diperoleh daripada skor keempat-empat pakar tersebut ialah 95.1% yang bersamaan dengan nilai pekali kesahan 0.951. Menurut Tuckman and Harper (2012) serta Sidek dan Jamaludin (2005), aras pemahaman atau pencapaian 70% dianggap telah menguasai atau telah mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Seajar dengan itu, nilai pekali kesahan kandungan Modul Mahir PK ini adalah tinggi. Peratus pencapaian kesahan kandungan tertinggi diberikan oleh Penilai 1 (96.2%) manakala peratus pencapaian kesahan kandungan terendah diberikan oleh Penilai 3 (93.8%).

Jadual 2: Skor pencapaian kesahan kandungan

Modul MAHIR PK	Skor Pakar (x/210)	Jumlah Pencapaian Kesahan Kandungan (%)	Indeks Kesahan
Penilai 1	202	96.2	0.962
Penilai 2	199	94.8	0.948
Penilai 3	197	93.8	0.938
Penilai 4	201	95.7	0.957
Jumlah Purata Pencapaian		95.1	0.951

Secara lebih terperinci, terdapat dua puluh item yang menunjukkan kesemua penilai memberikan skor 5. Item-item tersebut disenaraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Item-item yang memperolehi skor 5

Bilangan	Item
1	Objektif pengajaran dapat mencapai matlamat modul
2	Isi kandungan modul menepati objektif pengajaran
3	Isi kandungan modul lengkap dari segi latihan pengukuhan
4	Isi kandungan modul lengkap dari segi penilaian
5	Isi kandungan modul tidak bercanggah dengan nilai masyarakat
6	Pengukuhan dinyatakan dengan jelas dalam setiap tajuk pengajaran
7	Komponen penilaian pelajar sesuai dengan isi kandungan modul
8	Penilaian dapat dilaksanakan dengan menggunakan lembaran kerja dalam modul
9	Matlamat modul adalah jelas
10	Matlamat modul adalah sesuai untuk pelajar
11	Isi kandungan modul mudah difahami
12	Isi kandungan modul ini mengandungi semua maklumat asas yang perlu diketahui oleh pelajar
13	Kandungan modul mudah disampaikan kepada pelajar
14	Isi kandungan modul dapat diadaptasikan kepada pelajar yang terdiri daripada pelbagai kategori latar belakang
15	Garis panduan penggunaan dan susun atur muka surat modul adalah terancang bagi memudahkan guru dan pelajar menggunakannya
16	Modul ini mengandungi maklumat yang berguna kepada pelajar
17	Modul ini memberi peluang kepada pelajar untuk melatih kemahiran yang dipelajarinya
18	Modul ini mempunyai potensi keberkesanan (potential effectiveness) jika digunakan untuk mengajar topik pelarasan kepada pelajar sukar memahami topik ini
19	Modul ini berpotensi sebagai sumber rujukan kepada guru dan pelajar
20	Modul ini mudah diguna
21	Saya akan mengesyorkan modul ini kepada guru dan pelajar

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan Modul Mahir PK mempunyai kualiti aspek kesahan yang baik. Kesemua item yang telah diukur memperolehi nilai min persetujuan yang tinggi. Ini jelas menunjukkan kesemua pakar amat bersetuju dengan aspek-aspek yang terkandung dalam Modul Mahir PK iaitu kesahan dari segi kualiti kandungan, potensi keberkesanan dan kepuasan keseluruhan.

4.2 Nilai Kebolehpercayaan Modul

Jadual 4 menunjukkan nilai pekali alpha Cronbach dan kekuatan perkaitan bagi kebolehpercayaan Modul Mahir PK.

Jadual 4: Nilai pekali Alpha Cronbach

Instrumen kajian	Nilai Alpha Cronbach	Kekuatan perkaitan
Modul Mahir PK	0.864	Sangat baik

Merujuk kepada Jadual 4, nilai Alpha Cronbach bagi Modul Mahir PK adalah 0.864. Menurut kebanyakan pengkaji seperti Sekaran dan Bougie (2010), Bond dan Fox (2015) dan Cohen et al. (2017), dan nilai pekali kebolehpercayaan ini disifatkan sebagai nilai kebolehpercayaan yang berada di tahap sangat baik dan memadai bagi sesuatu alat kajian. Jadual 5 menunjukkan interpretasi nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach seperti yang dicadangkan oleh Bond dan Fox (2015).

Jadual 5: Jadual intepretasi skor Alpha Cronbach

Skor Alpha Cronbach	Kekuatan perkaitan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima

0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu diperbaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Menurut Aliff Nawi et al. (2015), bagi sebuah modul yang memiliki nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi, maka modul tersebut dikategorikan sebagai modul yang berkualiti dan dapat meningkatkan keberkesanan apabila digunakan. Sehubungan itu, Modul Mahir PK dapat diklasifikasikan sebagai sebuah yang mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Modul Mahir PK mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat baik. Dapatan penilaian oleh pakar dan kajian rintis menunjukkan Modul Mahir PK dibangunkan dengan lengkap dan jayanya. Kajian ini membuktikan modul pengajaran boleh dibangunkan berdasarkan garis panduan dan prosedur pembinaan modul yang sempurna.

6.0 RUJUKAN

- Aliff Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim, & Chua, C. R. (2015). Penilaian kualiti modul IPBL: Aspek kesahan dan kebolehpercayaan. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 11(2), 1–10.
- Ang, C.T. & Lee, L.W. (2016). Instrumen penilaian kualiti untuk modul pengajaran: Pengujian ciri psikometrik. *Jurnal Kurikulum dan Pengajian Asia Pasifik*, 4(4), 25 – 43.
- Bailey, J. (2004). The validation of a scale to measure school principals' attitudes toward the inclusion of students with disabilities in regular schools. *Australian Psychologist*, 39(1), 76-87.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model fundamental measurement in the human sciences*. (3rd edition). New York & London: Routledge & T. & F. Group, Eds.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). *Research methods in education* (8th edition). London: Routledge
- Fitriani Saragih & Elizar Sinambela (2017). Development of cooperative learning model for introduction to accounting subject in Islamic private public university in Medan City. Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Indonesia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Laila Puspita (2019). Pengembangan modul berbasis keterampilan proses sains sebagai bahan ajar dalam pembelajaran Biologi. *Jurnal Inovasi Pendidikan IPA*, 5(1), 79-88.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Md. Noor Saper, Samsiah Jais, Aslina Ahmad, Nurul Yakin Supeni (2014). *Pembinaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Transfromasi Ehsan Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Geran Penyelidikan MAIS*.
- Mohd Kamal (2005). Meningkatkan kefahaman pelajar melalui pengajaran 7-E: Satu pengalaman dalam mata pelajaran pendidikan perakaunan. *Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme, Maktab Perguruan Kuala Terengganu*.

- Mohd Majid, K. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok, S. S. (2010). Literatur dan Kaedah Penyelidikan. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Moriza Fikri, Wan Mustaffa Wan Yusoff & Ahmad Zia Ul-Saufie. (2017). Penggunaan Prosedur "Smart Accounting" Di Kalangan Pelajar-pelajar Politeknik: Satu Kajian Kes. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, Vol (1), 301-308
- Noor Lela Ahmad & Nur Afrina Haziqah Azman (2020). Tahap amalan pengajaran berkesan guru Prinsip Perakaunan berasaskan model Slavin. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1), 53 – 62.
- Reza Taufiq Digara & Y. Purwaningsih. (2021). The effectiveness of problem-based learning module with accounting computer module teaching material toward learning outcomes of the Eleventh-grade students of SMK Negeri 1 Wonogiri. *American Journal of Humanities and Social Sciences Research*, 5(1), 437 – 443.
- Rusell, J.D. (1974). *Modular Instruction: A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. United States: Publishing Company.
- Sekaran U. & Bougie R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach (5th edition)*. New York: John Wiley & Sons Ltd.
- Sidek, M.N. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM
- Sidek, M. N., & Jamaludin, A. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Tuckman, B.W. & Harper, B.E. (2012). *Conducting Educational Research (6th edition)*. Maryland: Rowman and Littlefield Publishers, Inc.